

**AMANAT SULUNG**  
Masidi ketika berucap pada Majlis Bersama Pengurus LPU UMS.



**IKRAR ...** Masidi bersama Dr. Taufiq Yap, pegawai-pegawai utama UMS dan kakitangan UMS melafazkan ikrar Rukun Negara.

# Bekerja sebagai 'Team UMS', kata pengerusi

NST 6.8.2020 5

**KOTA KINABALU:** Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Seri Masidi Manjun menggesa para kakitangan UMS untuk bekerja sebagai satu pasukan bagi mencapai matlamat dan misi universiti untuk bergerak ke hadapan.

Katanya, setiap matlamat yang digariskan akan lebih mudah dizahirkan sekiranya setiap kakitangan dapat meneckap pemikiran bahawa tugas dan tanggungjawab yang digalas di universiti ini adalah sebagai satu ibadah yang dikerjakan untuk mendapat pahala dan kebaikan.

"Di UMS seharusnya tidak ada pasukan lain dalam pentadbiran, semua harus bekerja sebagai 'Team UMS', kerana pada akhirnya universiti ini adalah berkenaan kita semua.

"Kita harus melihat uni-

versiti ini melepas kepentingan diri sendiri bagi memacu universiti terus ke hadapan.

"Kita juga mampu melakukan tugas dengan baik untuk universiti sekiranya kita menganggap apa yang dikerjakan sebagai satu ibadah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam satu Majlis Bersama Pengurus LPU yang dihadiri oleh pegawai-pegawai utama serta ketua-ketua jabatan UMS di Bangunan Canselor, pagi kelmarin.

Masidi menambah, menjadikan setiap tugas sehari-hari sebagai satu hobi juga membantu diri setiap pekerja untuk lebih mencintai pekerjaan serta berusaha untuk perkembangan diri dalam kerjaya.

"Apabila sesuatu yang dikerjakan itu menjadi hobi, kita

lebih cenderung untuk terus melakukan kajian dan penggalian ilmu terhadap sesuatu yang kita minati, dan ini sekali gus membantu dalam perkembangan potensi diri," katanya.

Beliau turut menyeru kakitangan sama ada kakitangan akademik mahupun pentadbiran agar membudayakan prinsip dahagakan ilmu.

"Adalah lebih baik sekiranya seseorang pensyarah untuk mempunyai pengetahuan terhadap pelbagai disiplin ilmu berbanding kepakaran yang sedia ada," ujar Datuk Seri Masidi.

Dalam pada itu, Masidi turut bersetuju dengan pendekatan UMS untuk memfokuskan beberapa nic penyelidikan seperti yang dinyatakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, khusus-

nya kajian berkaitan pertanian pintar.

"Negeri Sabah mempunyai tanah yang luas untuk bidang pertanian, dan ini adalah satu usaha yang baik bukan sahaja untuk universiti meneroka peluang terhadap bidang pertanian, tetapi turut menjadi peneraju bagi membuka minda petani serta menggalakkan petani muda dalam

aspek pertanian moden.

"Amat penting untuk universiti mengkaji pelbagai alternatif tanaman makanan, kerana sebagai contoh kira-kira 70% beras di Malaysia diimport dari luar negara, dan bekalan makanan akan terjejas sekiranya aktiviti perdagangan atau hubungan dua hala dengan negara luar terjejas," kata Datuk Seri Ma-

sidi.

Pada majlis tersebut, Datuk Seri Masidi turut berkesempatan menyempurnakan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat UMS, serta bersama-sama Datuk Dr. Taufiq Yap, pegawai-pegawai utama UMS dan kakitangan UMS melafazkan ikrar Rukun Negara.



**PELANCARAN**  
... Masidi menandatangani latar Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat UMS sebagai simbolik pelancaran program itu.